

WH@Home

Membawa penjagaan ke rumah anda

Pemulihan tidak semestinya dilakukan di hospital. Dengan pasukan penjagaan WH@Home kami, anda boleh meneruskan aktiviti harian dengan mudah sementara kami memantau keadaan anda. Kami menyediakan lawatan ke rumah atau telekonsultasi sekiranya diperlukan untuk memenuhi keperluan perubatan anda*.

**Keperluan perubatan merangkumi penjagaan oleh doktor dan jururawat serta terapi pemulihan jika diperlukan.*

Mengapa pilih WH@Home?

Penjagaan
bertaraf hospital
dalam
keselesaan
rumah anda

Orang
tersayang boleh
melawat anda
pada bila-bila
masa

Gangguan
minimal
kepada aktiviti
harian

Latihan
untuk pesakit
dan penjaga
disesuaikan dengan
persekitaran
rumah anda

Boleh
dituntut melalui
MediSave/
MediFund dan
kebanyakan
syarikat insurans
swasta



Apa yang anda boleh jangkakan



Taklimat program oleh pasukan penjagaan WH@Home



Pulang ke rumah dengan peranti yang dipinjamkan, ubat-ubat, dan bekalan perubatan[^]



Tanda-tanda vital diserahkan setiap hari dan pemeriksaan melalui telekonsultasi atau lawatan ke rumah



Setelah discaj, terima dokumen discaj dan pulangkan peranti yang dipinjamkan



Ambil ubat discaj di Farmasi WH atau pilih penghantaran ke rumah

[^]Bekalan perubatan akan dihantar melalui kurier ke rumah anda selepas pendaftaran.

Soalan Lazim

Bagaimana jika keadaan saya menjadi lebih teruk?

Anda boleh menghubungi talian WH@Home (24/7) supaya kami boleh menilai keadaan anda dan mengambil langkah-langkah yang diperlukan untuk memberi anda rawatan yang sesuai.

Bagaimanakah penjaga berperanan dalam penjagaan pesakit di rumah?

Penjaga boleh mengambil peranan yang lebih aktif dalam penjagaan pesakit, seperti mengukur tanda vital dan aktiviti harian. Pasukan penjagaan kami akan bekerjasama dengan penjaga untuk menyediakan latihan dan pendidikan khusus mengikut keperluan pesakit. Ini memberi keupayaan kepada pesakit dan juga penjaga untuk menguruskan penjagaan dan kesihatan mereka sendiri.

Adakah WH@Home lebih mahal berbanding penginapan di hospital?

Kos WH@Home adalah setanding atau lebih rendah berbanding wad hospital biasa. Ia juga boleh dituntut melalui MediSave/MediFund dan kebanyakan insurans swasta.



Imbas di sini untuk maklumat lanjut atau berbincang dengan doktor utama anda hari ini.



<https://for.sg/whhome>